



## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

**NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL**  
**KOD KURSUS : MPU2223**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 3 JAM**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Kertas Jawapan Objektif
    - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A: (20 Markah)**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Etika Profesional dijelaskan sebagai
  - A. satu kaedah yang dirangka oleh badan profesional untuk membantu profesional bertindak.
  - B. satu set peraturan yang mengikat seseorang untuk bertindak atau berkelakuan apabila berinteraksi dengan orang lain.
  - C. cara bagaimana seorang profesional melayan pihak ketiga agar mereka tidak mengalami masalah berpunca daripada tindakan kliennya.
  - D. nilai tertentu yang diamalkan oleh seseorang profesional yang berkaitan dengan profesionnya.
2. Kesemua sistem moral didasarkan kepada penegasan untuk kita berbuat baik dan betul dan mengelak daripada membuat yang buruk dan salah. Oleh itu, manusia dikehendaki
  - A. menyuburkan kebaikan, mengatasi kejahatan dan berbuat sesuatu yang baik.
  - B. menolong ke arah kebaikan tanpa menjaskan kedudukan sendiri.
  - C. memupuk bakat yang terpendam agar kebaikan dapat direalisasikan.
  - D. memastikan mereka yang dipilih mempunyai sifat-sifat tertentu yang boleh diterima majoriti masyarakat.
3. Apakah langkah yang perlu diambil oleh seseorang profesional yang berpegang kepada etika apabila berhadapan dengan klien yang tidak beretika?
  - A. Menjadikan tanggungjawab dan kepentingan umum asas pertimbangan sebelum menerima atau menolak klien itu.
  - B. Profesional itu harus meletakkan jawatannya.
  - C. Menyerahkan klien itu kepada profesional lain.
  - D. Profesional itu bebas membuat keputusan sama ada menerima atau menolak klien seperti itu.

4. Dari segi undang-undang, profesional memiliki keistimewaan untuk memonopoli perkhidmatannya. Hal ini bermakna
  - A. proses pendidikan yang diterimanya menjadikan seseorang profesional itu unik dalam bidangnya.
  - B. hanya profesional dalam bidang tertentu boleh mengamalkan profesi tersebut.
  - C. seseorang profesional harus meningkatkan kepakarannya kerana orang tidak boleh melakukan perkara yang dilakukannya.
  - D. profesional perlu memberikan perkhidmatan kepada semua tanpa mengira status atau warna kulit.
5. Publisiti bagi perkhidmatan profesional dilarang adalah disebabkan
  - A. tanggungjawab utama seorang profesional ialah memberikan perkhidmatan dan bukan atas dasar wang semata-mata.
  - B. pengiklanan akan mendatangkan keuntungan yang terlalu banyak kepada profesional tertentu.
  - C. pengiklanan adalah peraturan global yang ditetapkan oleh semua kod etika profesional.
  - D. semua kenyataan di atas.
6. Etika boleh dijelaskan sebagai
  - A. ajaran atau pegangan berkenaan baik buruk sesuatu perbuatan.
  - B. sains moral dan prinsip-prinsip moral.
  - C. prinsip atau kelakuan yang baik.
  - D. tatasusila, peraturan dan nilai murni masyarakat.

**SULIT**

7. Yang dimaksudkan sebagai "Kepimpinan Sosial" bagi seseorang profesional ialah
- penglibatannya dalam organisasi sosial adalah untuk memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat.
  - pemberian khidmat percuma terutama kepada mereka yang amat memerlukan.
  - profesional sebagai tokoh terkenal dalam masyarakat.
  - menunjukkan kebolehan kepimpinan dengan memimpin seramai mungkin rakyat.
8. Satu daripada makna nilai di bawah adalah tidak benar, iaitu
- nilai menjadi ukuran konsisten bagi tindakan.
  - nilai terdapat dalam sistem kepercayaan seseorang.
  - hanya nilai dapat menentukan tangkah laku yang akan dizahirkan dalam semua keadaan.
  - persepsi orang tentang kebaikan dan keburukan menggambarkan nilai yang dipegangnya.
9. Dalam Model Kontrak keputusan terletak pada
- klien.
  - profesional.
  - soal keputusan tidak berbangkit.
  - sebahagiannya klien dan sebahagian lagi profesional.
10. Dalam melaksanakan obligasi terhadap klien seseorang profesional perlulah amanah. Satu daripada sifat yang berikut tidak menggambarkan nilai amanah.
- Tekun
  - Cepat
  - Berahsia
  - Berterus-terang

**SULIT**

11. Seorang pesakit meminta doktor yang merawatnya supaya memberikan dos ubat yang tinggi dengan tujuan untuk menamatkan riwayat hidupnya. Dalam situasi tersebut, apakah yang patut dilakukan oleh doktor berkenaan?
- Memberikan dos ubat sebagaimana yang diminta oleh pesakit.
  - Menghantar pesakit ke hospital sakit jiwa.
  - Tidak memberikan dos ubat yang diminta oleh pesakit.
  - Meminta pandangan ahli keluarga pesakit.
12. Golongan profesional diletakkan pada status yang tinggi dalam struktur masyarakat kerana
- status sosialnya.
  - kekayaannya.
  - kemahirannya.
  - kepakarannya.
13. Berikut ialah nilai-nilai yang terdapat dalam Tonggak 12, iaitu
- keseronokan bekerja
  - menyimpan rahsia
  - menghargai masa
  - ketekunan menjadi amalan
- i, ii dan iii.
  - ii, iii dan iv
  - iii dan iv
  - Semua di atas.
14. Pilih kenyataan yang **tidak** benar.
- Standard digunakan untuk menilai sama ada seseorang itu baik atau buruk.
  - Prinsip ialah nilai yang menyentuh tingkah laku profesional.
  - Peraturan menentukan tugas atau tindakan tertentu yang perlu dilakukan oleh seorang profesional.
  - Peraturan mengawal seorang profesional bertindak mengikut budi bicaranya sendiri.

**SULIT**

15. Obligasi profesional terhadap pihak ketiga boleh dijelaskan sebagai
- A. cara mengatasi konflik apabila profesional berurusan bukan sahaja dengan klien tetapi juga orang lain.
  - B. wujud orang lain selain klien yang menimbulkan masalah kepada profesional atau klien memerlukan tindakan oleh profesional.
  - C. klien berbohong kepada profesional menyebabkan profesional harus melakukan sesuatu.
  - D. usaha profesional melindungi anggota masyarakat daripada masalah yang mungkin ditimbulkan oleh kliennya.

16. Nilai yang menggambarkan obligasi terdiri daripada yang berikut, iaitu:

- i. kepatuhan
  - ii. peraturan
  - iii. piawai
  - iv. prinsip
- A. i, ii dan iii.
  - B. ii, iii dan iv.
  - C. iii dan iv.
  - D. semua di atas.

17. Meniup wisel luaran boleh didefinisikan sebagai

- A. menyampaikan maklumat di luar organisasi.
- B. menyampaikan bahan maklumat kepada pengurus yang bertanggungjawab.
- C. mendedahkan salah laku di dalam organisasi kepada semua orang.
- D. mendedahkan salah laku di dalam organisasi kepada rakan sekerja.

18. Pendedahan maklumat rahsia untuk kepentingan profesional dibenarkan berdasarkan kes-kes berikut **kecuali**

- A. mempertahankan diri daripada tuduhan melakukan jenayah.
- B. untuk menentukan bayaran perkhidmatan secara adil.
- C. mendedahkan rahsia demi kebaikan klien sendiri.
- D. mendedahkan rahsia klien demi kepentingan profesional itu sendiri.

**SULIT**

19. Profesional yang mendapat ijazah tidak secara automatik boleh menjadi pengamal dalam bidang profesi masing-masing. Hal ini bermaksud
- ijazah tidak boleh diterima sebagai sandaran kukuh kerana ramai orang menipu dalam mendapatkannya.
  - sesuatu bidang profesi perlu memelihara integritinya dan jangan sekali-kali menerima seseorang dengan cara terlalu mudah.
  - pemegang ijazah perlu menjadi ahli badan profesional atau mendapatkan tauliah atau lesen terlebih dahulu.
  - ia adalah undang-undang negara dan amalan antarabangsa.
20. Penyelidikan yang dilakukan dalam sesuatu profesi adalah bertujuan untuk
- memberi peluang kepada profesional meningkatkan kebolehannya.
  - menjadikan profesional sebagai individu yang mahir membuat penyelidikan.
  - memberi input baru kepada profesi.
  - membelanjakan wang yang diperuntukkan supaya tidak terjadi pembaziran.

**[20 MARKAH]**

SULIT

**BAHAGIAN B: (60 Markah)**

Bahagian ini mengandungi **TIGA** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Secara umum kajian tentang etika profesional melibatkan semua isu etika dan nilai dalam sesuatu bidang profesion dan tingkah laku golongan profesional dalam masyarakat. Konsep profesion dan profesional yang lebih tepat dan menyeluruh telah diutarakan oleh beberapa orang penulis. Mengikut Martin dan Schiuzer (1996) dan Bayles (1981), perkataan profesion dan profesional hanya boleh digunakan dalam bidang pekerjaan tertentu yang memenuhi beberapa kriteria khusus.

- i. Nyatakan takrif profesion. (5 Markah)
- ii. Senaraikan **LIMA (5)** daripada profesion golongan profesional. (5 Markah)
- iii. Bincangkan **LIMA (5)** daripada kriteria khusus yang mendasari bidang pekerjaan profesional. (10 Markah)

**SOALAN 2**

Teori keperibadian mulia dianggap sebagai teori yang tertua hasil daripada perkembangan falsafah tradisi Greek.

- i. Jelaskan maksud keperibadian mulia. (5 Markah)
- ii. Senaraikan **LIMA (5)** daripada nilai-nilai murni yang perlu ada pada seorang pekerja. (5 Markah)
- iii. Huraikan sejauh mana nilai-nilai murni dapat membantu seseorang individu menjadi seorang profesional yang berpegang kepada etika dalam melaksanakan tanggungjawab profesional mereka. (10 Markah)

SULIT

SOALAN 3

Tanggungjawab utama golongan profesional ialah memberikan perkhidmatan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosioekonomi.

Jelaskan konsep-konsep berikut berserta contoh yang sesuai.

- i. Kesamaan peluang (5 Markah)
  - ii. Monopoli (5 Markah)
  - iii. Bayaran ikut jadual (5 Markah)
  - iv. Publisiti (5 Markah)

(Jumlah: 20 Markah)

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN C: (20 Markah)**

Baca petikan di bawah dan jawab semua soalan berikutnya di dalam Buku Jawapan.

**PELAN KESELAMATAN JALAN RAYA**

Banyak usaha dilakukan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Usaha tersebut dilakukan baik oleh pihak kerajaan maupun badan bukan kerajaan (NGO).

Kajian yang dilakukan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), mendapati bahawa di Malaysia, secara purata sebanyak 19 orang terkorban dalam kemalangan jalan raya pada setiap hari. Sementara itu, dianggarkan bahawa pada setiap tahun, hampir 700 orang pekerja maut kerana kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan ke tempat kerja atau pulang dari tempat kerja. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 75 peratus kes kemalangan berlaku pada waktu pagi, ketika kebanyakan pekerja menuju ke tempat kerja masing-masing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib, menjelaskan bahawa dalam hal ini, kawasan yang sering berlaku kemalangan ialah Lembah Klang dan beberapa buah bandar utama, seperti Johor Bahru dan George Town. Tambah beliau, lebih daripada 40 pertus kemalangan jalan raya yang dicatatkan melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal yang berusia dalam lingkungan 15 tahun hingga 29 tahun.

Sementara itu, menurut Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), yang merujuk statistik pada tahun 2014, pada setiap hari, sebanyak 18 orang dilaporkan maut kerana kemalangan jalan raya di seluruh pelosok negara. Daripada jumlah tersebut, purata sebanyak 1330 kemalangan direkodkan pada setiap hari. Hal ini sudah tentu membimbangkan, lebih-lebih lagi jumlah tersebut terlalu besar berbanding dengan jumlah rakyat di negara ini secara keseluruhan. Jika dibandingkan dengan England, iaitu negara yang padat dengan penduduk (mencecah 60 juta orang), jumlah kemalangan maut yang dilaporkan di negara tersebut pada setiap tahun hanya 800 orang. Sementara itu, pada setiap hari, lebih daripada 3500 orang pengguna jalan raya terkorban dan 137 ribu orang lagi mengalami kecederaan kerana kemalangan jalan raya di seluruh pelosok dunia.

Dalam hal ini, di negara ini sudah pasti JPJ menghadapi cabaran yang besar untuk mengurangkan jumlah kemalangan yang sentiasa meningkat, apatah lagi dengan hampir 1.5 juta buah kenderaan baharu didaftarkan pada setiap tahun. Hal ini ditambah pula dengan jumlah lebih 600 ribu orang pemandu baharu yang layak mendapat lesen memandu pada setiap tahun.

Persoalannya, jika keadaan ini terus berlarutan apakah pelan jangka masa panjang yang perlu dilakukan bagi "menguruskan" pertambahan jumlah kenderaan dan pada masa yang sama, mengurangkan kemalangan jalan raya?

Dalam perutusan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (2014-2020) oleh Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, beliau menjelaskan bahawa pada ketika Malaysia bergerak ke arah merealisasikan hasrat menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, jumlah pemilikan kenderaan bermotor turut menyaksikan peningkatan. Hal ini meningkatkan pendedahan trafik yang membawa peningkatan kadar kemalangan jalan raya. Sebagai akibatnya, negara kerugian hampir RM9 bilion setahun kerana kos sosial yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Apabila menyedari betapa seriusnya kemalangan jalan raya sebagai isu kesihatan awam yang perlu ditangani secara terancang, berstruktur serta sistematik, JKJR dan MIROS bertindak mendapatkan maklum balas serta pendapat pelbagai pihak berkepentingan melalui beberapa siri perbincangan untuk diterapkan dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020.

Tujuan utama pelan tersebut dirangka adalah untuk menangani isu keselamatan jalan raya di negara ini. Selain siri bengkel yang bertujuan menilai kejayaan dan permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan pelan keselamatan terdahulu, iaitu Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010, perbincangan serta dialog dengan pihak yang berkepentingan turut bersama-sama menghasilkan pelan terkini ini.

Pelan ini dirangka selari dengan usaha lain yang dilakukan di seluruh pelosok dunia untuk menangani masalah yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya. Cadangan bagi menangani isu keselamatan jalan raya termasuklah pelaburan segera dalam keselamatan jalan raya, pembangunan strategi, dan program keselamatan jalan raya yang mampan, usaha mempromosikan pengangkutan awam, dan perubahan kaedah penilaian kemajuan dasar pengangkutan pada peringkat kebangsaan. Langkah keselamatan jalan raya, terutamanya dari aspek pengurusan keselamatan jalan raya, infrastruktur jalan raya, keselamatan

**SULIT**

kenderaan, tingkah laku pengguna jalan raya, pendidikan keselamatan jalan raya dan tindak balas pascakemalangan, merupakan langkah penting bagi mencapai tujuan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Satu daripada punca utama berlakunya kemalangan jalan raya ialah kecuaian pengguna jalan raya itu sendiri. Oleh itu diyakini bahawa lima tonggak strategik yang terangkum dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020, iaitu pengurusan keselamatan jalan raya, mobiliti dan jalan raya yang lebih selamat, kenderaan yang lebih selamat, pengguna jalan raya yang lebih selamat dan pengurusan pasca kemalangan mampu mendidik rakyat negara ini tentang pemanduan yang selamat dengan mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Hal ini sekali gus dapat mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya di negara ini bukan untuk waktu yang singkat tetapi untuk tempoh jangka masa yang panjang.

1. Senaraikan **LIMA (5)** etika yang perlu ada pada pengguna jalan raya.  
(5 Markah)
2. Nyatakan **LIMA (5)** punca berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia terutama pada musim perayaan.  
(5 Markah)
3. Bincangkan **LIMA (5)** langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita.  
(10 Markah)

**[20 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT****SULIT**

